

Sekolah Victoria juara cabaran sains dan teknologi Politeknik Nanyang



JUARA: Pasukan Sekolah Victoria yang menjadi juara Cabaran Sains dan Teknologi anjuran Politeknik Nanyang. – Foto POLITEKNIK NANYANG

► **SITI NUR 'ALIAH GHAZALI**
sghazali@sph.com.sg

HAMPIR 1,000 pelajar sekolah menengah daripada 37 sekolah seluruh Singapura menyertai Cabaran Sains dan Teknologi anjuran Politeknik Nanyang kelmarin.

Acara tahunan itu menyaksikan 280 kumpulan menggunakan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam 10 kategori cabaran berbeza.

Setiap kumpulan terdiri daripada tiga hingga empat peserta.

Antara cabaran yang mereka hadapi ialah membuat kenderaan berkuasa belon, pemecut berkuasa angin dan perkakas cabaran berat badan.

Mereka perlu menyelesaikan setiap cabaran dengan hanya menggunakan bahan khusus yang dinyatakan.

Dalam kategori kedua cabaran pertandingan itu, iaitu membuat kenderaan berkuasa belon, setiap kumpulan harus membina sebuah kenderaan bertenaga belon yang boleh bergerak sejauh mungkin dalam satu garisan lurus.

Cabaran ini bagi menggambarkan Hukum Undang-Undang Ketiga Newton, yang menyatakan “bagi setiap tindakan akan ada reaksi yang sama dan bertentangan”.

Bagi kategori cabaran berat badan, setiap kumpulan perlu membina sebuah kerusi yang diperbuat daripada papan berlekuk-lekuk untuk menampung berat badan 75 kilogram.

Dalam pertandingan ini, peserta dapat mengalami proses reka bentuk dan membina, meneroka, membangun dan memperbaiki reka bentuk alternatif, mempelajari konsep pusat graviti dan memahami cabaran sesuatu proses reka bentuk.

Pelajar juga berpeluang bekerjasama dengan menggunakan kemahiran seperti bekerja secara berpasukan dan membuat strategi.

Terdapat tiga pemenang bagi pertandingan ini dan setiap pemenang telah membawa pulang trofi dan wang tunai.

Pemenang tempat pertama ialah Sekolah Victoria, manakala Sekolah Menengah Jurong West dan Sekolah Menengah Swiss Cottage masing-masing di tempat kedua dan ketiga.